

25/02/2005

Laman web jatuhkan maruah Malaysia, Islam

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

SUDAH tiba masanya Malaysia mengambil tindakan tegas terhadap kandungan internet apabila munculnya satu lagi laman web yang menjatuhkan maruah negara, selain menghina masyarakat Islam.

Laman berkenaan di <http://members.cox.net/terroristhunters> yang dikemas kini tahun lalu dengan tajuk Pemburu Penganas didakwa bertujuan untuk menyebarkan maklumat tertentu dan sebenar mengenai keganasan, meletakkan Malaysia sebagai negara penganas.

Dalam kenyataan laman itu, ia mengatakan Malaysia selama ini memang negara penganas, namun berita media tidak menghebahkan peranan Malaysia dengan penganas dengan alasan utamanya ialah wujudnya banyak perniagaan dan produk Amerika Syarikat (AS) di Malaysia.

Malaysia dipilih bagi membolehkan rakyat AS mengetahui kebenaran mengenai negara ini selain minat meluap untuk memusnahkan negara Barat, khususnya AS.

Laman itu turut menyatakan Malaysia turut berbahaya kerana dibekalkan dengan senjata canggih daripada pengeluaran senjata utama dunia termasuk AS, Russia, Britain dan Perancis.

Turut terbabit ialah sektor perbankan negara yang dikatakan memainkan peranan penting dalam menyalurkan sumber kewangan untuk kumpulan penganas Muslim di seluruh dunia termasuk Al-Qaeda dan Abu Sayyaf.

Laman yang dibahagikan kepada beberapa bahagian turut mengaitkan tokoh negara seperti bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, di samping Pengerusi dan Ketua Pegawai Arkitek Microsoft Corp (Microsoft), Bill Gates.

Turut dibabitkan bersubahat dengan Malaysia ialah nama syarikat utama AS yang mana dihuraikan mengenai pembabitan syarikat berkenaan dalam operasi di Malaysia.

Lebih memburukkan lagi, laman berkenaan yang turut menyertakan bersama e-mel pengarangnya pada [malaysiasucks@yahoo.com](mailto:malaysiasucks@yahoo.com), menghina Islam yang dilihat begitu kuno dalam berhadapan dengan perkembangan dunia moden sekarang.

Pengarangnya dilihat sebagai katak di bawah tempurung kerana gagal mengembangkan kefahamannya mengenai Islam sehingga menjelaskan sesuatu perkara berkaitan Islam itu seperti melihat melalui sebelah mata saja.

Kementerian yang berkaitan dengan kawal selia komunikasi dan internet seharusnya peka mengenai kewujudan laman yang menjatuhkan maruah negara dan Islam.

Pemantauan berterusan harus dilaksanakan supaya masa depan negara dan Islam tidak dicemari oleh kandungan negatif seperti ini.

Seperti berlaku sebelum ini, penyebar atau pengarang kandungan berunsur negatif kepada negara dan Islam harus dikenakan hukuman berat.

(END) Source : Berita Harian